

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, December 11, 2017 4:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Perlu Proaktif Jalin Kerjasama Dengan Industri



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



11 DISEMBER 2017 / 22 RABIULAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UNIVERSITI PERLU PROAKTIF JALIN KERJASAMA DENGAN INDUSTRI



UUM ONLINE: Universiti disarankan untuk bertindak lebih proaktif bekerjasama dengan industri menerusi pemindahan ilmu dalam usaha untuk mentransformasikan negara.

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Profesor Negara, Prof Dato' Dr Raduan Che Rose berkata, sudah tiba masanya pemimpin universiti menganggap pemindahan ilmu itu adalah salah satu *core functional* kepada universiti walaupun bakal hadapi beban tenaga akademik khususnya apabila dilaksanakan.

Menurutnya, tiada maknanya sesuatu ilmu itu sekiranya ia tidak digunakan bagi tujuan pembangunan negara dan kehidupan masyarakat.

"Ilmu ini bukan pada pengetahuan dalam bidang teknikal sahaja tetapi pengurusan juga kerana untuk berjaya, pengurusan perlu bijak dalam membuat keputusan tepat.

"Selain itu, universiti juga mesti membuat kajian terhadap organisasi yang berjaya untuk mencari formula atau budaya yang boleh diterapkan," katanya pada Perasmian Persidangan Kebangsaan Pemindahan Ilmu Keempat (NKCT'17) dengan tema *Knowledge Translation for National Transformation*.

Tambah beliau lagi, kini negara berada di ambang Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan era ekonomi digital melibatkan teknologi automasi yang akan memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini.

Menurutnya, era itu memerlukan masyarakat dan negara melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital supaya dapat kekal berdaya saing.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan Anugerah Khas KTP (Program Pemindahan Ilmu) kepada ahli akademik, industri dan graduan terpilih mengikut kategori masing-masing.

NCKT'17 anjuran kelima Universiti Sains Malaysia (USM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan persidangan kebangsaan yang memberi tumpuan kepada penyampaian pengetahuan yang mantap melalui mekanisme pemindahan, pertukaran dan perkongsian.

NCKT'17 menyediakan platform untuk perkongsian hasil dan impak kerjasama antara universiti-komuniti dan universiti-industri dalam pembelajaran sepanjang hayat melalui pemindahan ilmu.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.